

**SOALAN NO. 78**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD MARZUK BIN  
SHAARY [ BACHOK ]**

**TARIKH : 9 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan laporan , rumusan dan syor yang telah diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) daripada Pemantau Pilihan Raya pada Pilihan Raya Umum ke-13 lalu. Berapa dan siapakah pemantau pilihan raya jemputan dan lantikan SPR pada Pilihan Raya Umum ke-14 nanti.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah melantik 17 pemerhati tempatan dari kalangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang terdiri daripada 5 NGO dari Semenanjung Malaysia, 9 NGO dari negeri Sarawak dan 3 NGO dari negeri Sabah semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU Ke-13).

Di samping itu, SPR turut menjemput Pemerhati Pilihan Raya Antarabangsa yang terdiri dari Badan Pengurusan Pilihan Raya ASEAN iaitu dari Indonesia, Thailand, Kemboja, Myanmar dan Sekretariat ASEAN. Secara keseluruhannya, kesemua Pemerhati Tempatan dan Antarabangsa telah memberikan maklum balas dan komen yang positif terhadap perjalanan pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR semasa PRU Ke-13.

Justeru, Pemerhati Tempatan dan Antarabangsa yang dilantik telah berpuas hati dan berpendapat bahawa SPR telah menjalankan tanggungjawab dengan cekap, telus dan efisien dalam mengendalikan pilihan raya di Malaysia. Berkenaan dengan pelantikan pemerhati bagi PRU Ke-14, SPR sedang meneliti dan mengkaji keperluan tersebut dan ia akan diputuskan oleh SPR kelak.

Sekian, terima kasih.